



12 MAR, 2026

Media Prima serah sumbangan RM3 juta kepada AAKRP

Berita Harian, Malaysia



Media Prima serah sumbangan RM3 juta kepada AAKRP

Kutipan tabung kemanusiaan Palestin bantu ringan penderitaan rakyat di Gaza

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim

Putrajaya: Media Prima Berhad (MPB) semalam menyerahkan sumbangan berjumlah RM3 juta bagi mengisi Akaun Amanah Kemanusiaan Rakyat Palestin (AAKRP).

Pengarah Urusan Kumpulan Media Prima, Datuk Mohd Rafiq Razali, berkata sumbangan hasil kutipan Tabung Kemanusiaan Palestin Media Prima bertujuan meringankan beban dan penderitaan rakyat Palestin.

"Pada kami, perjuangan rakyat Palestin sangat penting kerana Tabung Kemanusiaan Palestin Media Prima sudah ditubuhkan lebih 10 tahun dan kami berjaya menyalurkan lebih RM20 juta sejak tabung ini dilancarkan.

"Sebenarnya kami hanyalah fasilitator, 'hero' sebenar kepada sumbangan ini adalah semua rakyat Malaysia kerana dengan keikhlasan mereka, kami berjaya menyumbangkan amalan yang

begitu besar untuk menolong rakyat Palestin yang terkesan," katanya.

Bellau berkata demikian ketika ditemui selepas menyerahkan cek replika sumbangan Tabung Kemanusiaan Palestin Media Prima kepada Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan di Wisma Putra.

Yang turut hadir, Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan MPB, Rosli Sabarudin serta Pengurus Besar Kumpulan, Jabatan Komunikasi Korporat dan Pejabat Pengerusi MPB, Azlan Abdul Aziz.

Selain Media Prima, beberapa syarikat lain termasuk Tenaga Nasional Berhad (TNB) turut menyerahkan sumbangan masing-masing bagi mengisi AAKRP.

Sementara itu, Mohamad merakamkan penghargaan kepada semua penyumbang khususnya Media Prima yang menyumbang kepada AAKRP.

"Saya ingin memaklumkan tabung ini (AAKRP) diurus dengan baik, ada jawatankuasa dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Luar sendiri dan kita mengaudit serta buat laporan berkala ke Kabinet berkenaan dengan prestasi AAKRP ini.

"Kita menghulurkan bantuan daripada tabung ini kepada banyak organisasi termasuk Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di Gaza, Jordan, Mesir serta dalam negara kita," katanya.



Rafiq menyerahkan cek sumbangan RM3 juta hasil kutipan Tabung Kemanusiaan Palestin Media Prima kepada Mohamad untuk AAKRP di Putrajaya, semalam.
(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

Bawa pulang jemaah

Sementara itu, Mohamad berkata, syarikat dan agensi pelancongan perlu bertanggungjawab membawa pulang jemaah umrah di bawah kendalian mereka yang terkandas susulan konflik di Asia Barat.

Bellau berkata, syarikat terabit harus mengurus sepenuhnya jemaah masing-masing termasuk urusan penjadualan semula penerbangan pulang.

Katanya, kerajaan ketika ini memberi keutamaan untuk menguruskan kepulangan rakyat Malaysia yang terkandas, khususnya mereka yang terperangkap di lapangan terbang ketika dalam perjalanan pulang ke tanah air.

"Mana yang (pergi) melalui *travel agent*, *travel agent* perlu bertanggungjawab bawa balik jemaah mereka. Tiket MAS (Malaysia Airlines, MAS) kena

bawa balik. AirAsia punya tiket, AirAsia perlu bawa mereka balik. Batik Air punya tiket, Batik Air mesti bawa mereka balik.

"Penerbangan biasa sudah dipulihkan semula. Kalau jemaah tunjuk ada *confirmation*, jadi tanggungjawab syarikat untuk membawa mereka yang dah bayar tiket. Tak bolehlah nak harap kerajaan Malaysia sahaja," katanya.